

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1993/94

Oktober/November 1993

HIS 401 - Fiqah al-Munakahat: Perkahwinan dan
Kekeluargaan Islam

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI ENAM [6] SOALAN DI DALAM
DUA [2] MUKA SURAT.

Jawab EMPAT [4] soalan.

Setiap jawapan hendaklah dikemukakan dalil-dalil daripada al-
Qur'an dan al-Hadith.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. Membina sebuah keluarga menurut perspektif Islam bukanlah sekadar mempertemukan seorang lelaki dan seorang perempuan. Malahan institusi keluarga Islam itu mempunyai falsafah atau hikmah yang tersendiri. Bincangkan.
2. Asas pemilihan bakal suami-isteri ada hubung kait dengan beberapa ciri tertentu, antaranya ialah harta, keturunan, kecantikan dan keagamaan. Islam memberi keutamaan kepada ciri yang terakhir. Huraikan.
3. Poligami adalah suatu jalan keluar yang telah ditetapkan oleh syariat Islam kepada kaum lelaki yang memiliki syarat-syarat untuk berpoligami. Antaranya ialah berkeupayaan dan mampu berlaku adil. Berdasarkan pernyataan ini bincangkan dua [2] daripada perkara berikut:
 - (a) Konsep poligami dan realiti masa kini.
 - (b) Poligami Rasul Allah s.a.w. mempunyai empat hikmah yang terbesar.
 - (c) Konsep keadilan yang dikehendaki oleh syariat Islam dalam kontek poligami.

4. Rasul Allah s.a.w. bersabda maksudnya: "Perkara halal yang amat dibenci oleh Allah ialah talag" (Hadith riwayat Abu Daud). Berdasarkan sabda Rasul Allah di atas jawab dua [2] daripada soalan-soalan berikut:
- (a) Berikan ta'rif talag raj'i dan ba'in serta bincangkan kesan kedua-duanya terhadap perkahwinan.
 - (b) Khulu' dan fasakh menurut pendapat beberapa ulama' muktabar.
 - (c) Berikan ta'rif nusyuz dan zihar serta bincangkan kedua-duanya dari sudut tatacara syariat Islam dan kesannya terhadap perkahwinan.
5. Membangunkan institusi keluarga Islam sering dihubungkan dengan tanggungjawab ibu-bapa terhadap pendidikan anak-anak. Berdasarkan pernyataan ini jawab dua [2] daripada soalan-soalan berikut:
- (a) Apakah prinsip-prinsip pendidikan yang telah disyariatkan oleh Islam ke atas ibubapa terhadap anak-anak.
 - (b) Bagaimana Islam menentukan taraf dan status tanggungjawab suami-isteri dalam kontek pembahagian tugas pendidikan sosial dan ekonomi sesebuah keluarga.
 - (c) Apakah tanggungjawab anak-anak kepada ibu bapa.
6. Pemberian nafkah adalah diwajibkan ke atas suami. Bagaimanapun nilai sesuatu nafkah itu bergantung kepada keupayaan suami. Berdasarkan pernyataan ini jawab dua [2] daripada soalan-soalan berikut:
- (a) Berikan ta'rif nafkah serta jelaskan kewajipan nafkah zahir yang dikehendaki oleh syariat Islam.
 - (b) Apakah yang dimaksudkan dengan nafkah batin dan bagaimana tatacara yang mesti disempurnakan menurut syariat Islam.
 - (c) Allah s.w.t. berfirman dalam surah al-Nisa' ayat 19: maksudnya: Dan pergaulilah mereka dengan sopan. Maka jika kamu benci kepada mereka (sabarlah) kerana mungkin sesuatu yang kamu benci itu Allah mendatangkan kebaikan yang banyak daripadanya".

Berdasarkan firman Allah ini bincangkan prinsip-prinsip pergaulan suami-isteri seperti yang disyariatkan oleh Islam.